

## Kes jangkitan di Kedah menurun 33 peratus

**ALOR SETAR** - Kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Kedah menurun sebanyak 33 peratus pada minggu epidemiologi ke-22 (ME22) berbanding minggu sebelumnya.

Exco Kesihatan Kedah, Datuk Dr Mohd Hayati Othman memberitahu, sebanyak 789 kes baharu HFMD dikesan dalam tempoh 29 Mei hingga 4 Jun berbanding 1,178 kes sebelum ini.

Menurutnya, jumlah kes direkodkan menunjukkan penurunan 389 kes atau 33 peratus, yang mana semua kes dilaporkan menunjukkan gejala ringan dan diberikan rawatan pesakit luar.

“Lima wabak baharu dilaporkan melibatkan taska dan tadika, bagaimanapun kesemua premis terlibat telah diarah tutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

“Jumlah keseluruhan kes HFMD direkodkan di Kedah pada tahun ini sehingga 4 Jun 2022 adalah sebanyak 4,192 kes,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau menjelaskan, Kedah men-



**MOHD HAYATI**

catatkan peningkatan sebanyak 3,399 kes atau 429 peratus berbanding sebelum pandemik pada tempoh sama pada 2019.

“Sepanjang tahun 2022, daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 946 kes atau 22.6 peratus diikuti oleh Kubang Pasu dengan 625 kes (14.9 peratus), Kulim dengan 588 kes (14.0 peratus) dan Kota

Setar dengan 446 (10.6 peratus),” katanya.

Tambah beliau, sebanyak 50 wabak HFMD telah dilaporkan di negeri Kedah, dengan 49 daripadanya ataupun 98 peratus berlaku di pusat Pendidikan seperti taska, tadika dan pra-sekolah.

Bagaimanapun, Dr Mohd Hayati memberitahu, premis berkenaan telah diarahkan tutup sementara atau ditutup secara sukarela bagi tujuan sanitasi dan pencegahan jangkitan.

Dalam perkembangan sama, katanya, penyakit HFMD disebabkan oleh jangkitan pelbagai jenis virus, terutama virus Coxsackie A16 dan Enterovirus 71 (EV71).